



**TAHUKAH ANDA**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**  
**ada menawarkan Skim Pensijilan**  
**AMALAN PENGILANGAN YANG BAIK/**  
**GOOD MANUFACTURING PRACTICE (GMP) ?**

Permohonan untuk mendapatkan sijil ini adalah terbuka kepada semua jenis pengusaha premis makanan samada pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan dan pengedaran makanan. Pemohon hendaklah melaksana dan mengamalkan semua elemen GMP yang terkandung di dalam buku Garis Panduan Amalan Pengilangan Yang Baik. Proses pensijilan melibatkan audit kecukupan, pematuhan dan pemantauan oleh juruaudit yang dilantik oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM).

**FAEDAH SKIM PENSIJILAN GMP KKM**

- Meningkatkan taraf industri makanan terutama industri kecil dan sederhana supaya mampu berdaya saing di peringkat global / antarabangsa melalui pengiktirafan yang diberikan.
- Memudahkan industri mendapat pengiktirafan dalam berurusan dengan agensi kewangan dalam urusan insentif atau bantuan kewangan.
- Memastikan industri mematuhi piawaian di peringkat domestik dan luar negara.
- Meningkatkan pasaran dan keyakinan pengguna terhadap produk melalui penggunaan logo GMP pada label produk makanan.
- Meningkatkan kredibiliti dan imej industri makanan.
- Memberi kemudahan dalam mendapatkan Sijil Kesihatan sijil-sijil eksport yang lain.

**PROSEDUR PERMOHONAN:**

1. Melengkapkan borang permohonan SGMP1 - 1/06.

Borang ini boleh diperolehi daripada:

- 1.1. **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**  
Aras 3, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 WP Putrajaya, Malaysia atau
- 1.2. **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM)**  
**Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP)**  
Tingkat 37, KOMTAR, 10590, Pulau Pinang atau

**MOHON  
SEKARANG!**



**TAHUKAH ANDA**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**  
**ada menawarkan Skim Pensijilan**  
**Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)??**

Skim ini ditadbir oleh Kementerian Kesihatan (KKM), yang memerlukan premis makanan untuk menubuhkan dan melaksanakan sistem HACCP yang memenuhi kriteria MCS HACCP, diikuti dengan permohonan dan pemberian pensijilan. Proses pensijilan termasuk kecukupan, pematuhan dan mana-mana audit susulan oleh juruaudit yang dilantik. Kementerian Kesihatan akan mengesahkan penyelenggaraan sistem HACCP melalui audit pengawasan.

Perakuan HACCP diberikan bagi produk makanan tertentu dan bukan sijil menyeluruh untuk semua jenis produk makanan dari premis makanan. Skim ini dilaksanakan melalui kerjasama antara kerajaan, juruaudit bebas dan premis makanan.

**FAEDAH PENSIJILAN HACCP KKM**

- Mendapat keutamaan dalam permohonan Sijil Kesihatan bagi tujuan eksport dengan memendekkan tempoh pengeluaran sijil kepada tiga (3) hari berbanding 21 hari bagi industri yang tidak mendapat pengiktirafan HACCP KKM.
- Logo HACCP KKM boleh digunakan pada produk yang telah mendapat pengiktirafan.
- Salah satu keperluan dalam mendapatkan No.EU bagi tujuan pengeksportan ke EU.
- Dipermudahkan dalam mendapatkan sijil eksport seperti Sijil Penjualan Bebas, Sijil GMO, *Heat Process Meat Certificate* dan lain-lain.
- Menguatkan dan sokongan kepada sistem jaminan kualiti yang lain seperti ISO dan HALAL.
- Dapat bersaing dengan negara-negara lain dalam pasaran makanan global.

**SYARAT PERMOHONAN**

1. Melengkapkan borang permohonan MCS HACCP App (1/00).

Borang ini boleh diperolehi daripada:

- 1.1. **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**  
Aras 3, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 WP Putrajaya, Malaysia atau
- 1.2. **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM)**  
**Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP)**  
Tingkat 37, KOMTAR, 10590, Pulau Pinang atau

**MOHON  
SEKARANG!**

2. Program GMP telah dilaksanakan SEKURANG-KURANGNYA dua (2) bulan sebelum permohonan dikemukakan.

3. Melampirkan dokumen yang diperlukan:

- 3.1. Salinan Slip Pendaftaran Premis Makanan KKM
- 3.2. Lesen Pihak Berkuasa Tempatan
- 3.3. Salinan pendaftaran syarikat / *registration of company* (ROC)
- 3.4. Dua (2) salinan manual GMP

4. Bayaran pemprosesan sebanyak RM130.00 ke alamat:

**Pengarah Kanan  
Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3, Blok E7, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.**

#### FI (YURAN)

JENIS INDUSTRI	PERMOHONAN BARU		PEMBAHARUAN (RM)
	BAYARAN PEMROSESAN (RM)	BAYARAN PENSIJILAN (RM)	
INDUSTRI BESAR (B)	130	2000	1500
ENTERPRISE SEDERHANA	130	800	700
ENTERPRISE KECIL	130	400	300
MIKRO-ENTERPRISE	130	200	100

Semua yuran hendaklah dibayar kepada "Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia", dengan kiriman wang / wang pos / bank draf / cek syarikat. Pembayaran melalui cek peribadi tidak akan diterima.

#### TEMPOH SAHLAKU SUJIL

3 tahun daripada tarikh sijil dikeluarkan.

Sebarang maklumat lanjut,  
sila layari  
[www.fsq.moh.gov.my](http://www.fsq.moh.gov.my)  
ATAU  
Bahagian  
Keselamatan & Kualiti Makanan  
Tel: 04-262 5533  
Email: [azatullela@moh.gov.my](mailto:azatullela@moh.gov.my)/  
[siti.anarita@gmail.com](mailto:siti.anarita@gmail.com)/  
[buzz\\_ft@yahoo.com](mailto:buzz_ft@yahoo.com)

2. Program HACCP telah dilaksanakan SEKURANG-KURANGNYA tiga (3) bulan sebelum permohonan dikemukakan.

3. Melampirkan dokumen-dokumen lain seperti:

- 3.1. Salinan Slip Pendaftaran Premis Makanan KKM.
- 3.2. Lesen PBT, salinan Registration of company (ROC).
- 3.3. Melaksanakan dan mendokumentasi 'Pre-requisite programme'.
- 3.4. Salinan manual HACCP.
- 3.5. Sistem HACCP hendaklah dibangunkan berdasarkan Standard Malaysia MS 1480:2007 dan apa-apa kehendak lain yang dikenakan oleh negara pengimport.

#### PROSES PERMOHONAN

Permohonan dan manual HACCP yang lengkap perlu dihantar ke alamat:

**Pengarah Kanan  
KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN  
Kementerian Kesihatan Malaysia.  
Aras 3, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 WP Putrajaya,  
Malaysia.**

#### FI (YURAN)

Perkara	Industri Besar (IB) (RM)	Enterpris Kecil atau Sederhana (EKS) (RM)
Permohonan baru	4,505.00	3,235.00
Pembaharuan	100.00	100.00
Penambahan produk bagi syarikat yang mempunyai HACCP	2,750.00	2,550.00

Semua yuran hendaklah dibayar kepada "Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia", dengan kiriman wang / wang pos / bank draf / cek syarikat. Pembayaran melalui cek peribadi tidak akan diterima.

#### TEMPOH SAHLAKU SUJIL

Tiga (3) tahun daripada tarikh sijil.

Sebarang maklumat lanjut,  
sila layari  
[www.fsq.moh.gov.my](http://www.fsq.moh.gov.my)  
ATAU  
Bahagian  
Keselamatan & Kualiti Makanan  
Tel: 04-262 5533  
Email: [azatullela@moh.gov.my](mailto:azatullela@moh.gov.my)/  
[siti.anarita@gmail.com](mailto:siti.anarita@gmail.com)/  
[buzz\\_ft@yahoo.com](mailto:buzz_ft@yahoo.com)